

LATIHAN 5

Soalan 1 – 2

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

1. Restoran Seri Rejang menjadi tumpuan para _____ yang menggemari masakan tradisional masyarakat Sarawak.
A tetamu C pemakan
B pelayan D pelanggan
2. Busana rekaan terbaharu pereka fesyen muda itu telah mendapat _____ yang sangat banyak daripada pelanggan.
A tempahan C pembelian
B sokongan D perhatian

Soalan 3 – 4

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.

3. I *Aneh* sungguh sikap murid itu.
II Faisal bersikap *aneh* akhir-akhir ini.
III Buah yang berbentuk *aneh* itu jarang sekali ditemukan di negara ini.
IV Mimi sering bertindak *aneh* terhadap adiknya yang masih kecil itu.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja
4. I Setiap individu mestilah berdaya *motivasi* jika ingin berjaya dalam hidup.
II Azraii berjaya kerana rajin berusaha dan mempunyai *motivasi* diri yang tinggi.
III Rancangan *motivasi* yang disiarkan melalui radio itu berjaya menarik hati banyak pendengar.
IV Walaupun sudah menghadiri ceramah *motivasi*, Hairi masih tidak bersemangat untuk mengubah kehidupannya.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja

Soalan 5 – 6

Bahagian yang bergaris dalam ayat-ayat yang berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak.

Tandakan sama ada A, B, atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

5. Murid itu kelihatan segak apabila memakai pakaian seragam pengakap.
A nampak bergaya apabila
B kelihatan kacak sambil
C kelihatan tegap sambil
D kelihatan segak apabila
6. Adriana amat gemar makan ikan patin gulai tempoyak yang dimasak oleh ibunya itu.
A gulai tempoyak ikan patin
B gulai ikan patin tempoyak
C tempoyak gulai ikan patin
D ikan patin gulai tempoyak

Soalan 7 – 8

Pilih ayat-ayat yang betul.

7. I Parut kelapa itu berbau tengik.
II Puan Yogesh memasukkan sepapan daun kari ke dalam masakannya.
III Puan Azura memasak menu khas yang menjadi kesukaan anak-anaknya.
IV Setelah selesai memasak hidangan utama, peserta pertandingan itu memasak hidangan sampingan.
- A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja
8. I Pak Hassan memagarkan di sekeliling kebun getahnya dengan kawat.
II Berapa orang pemuda di kampung itu telah berjaya menangkap ular sawa itu hidup-hidup.
III Panjangnya cerpen yang perlu kautulis itu mestilah tidak lebih daripada 350 patah perkataan.
IV Saya ditugaskan untuk menjerang air manakala Siva dan Fahmi mendirikan khemah.
- A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja

Soalan 9

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau maksud yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

9. "Sila lengkapkan maklumat dalam borang ini," kata kerani itu kepada Encik Johari.
- A Kerani itu meminta Encik Johari supaya melengkapkan maklumat dalam borang itu.
B Encik Johari melengkapkan maklumat dalam borang itu setelah diarahkan oleh kerani.
C Kerani itu dan Encik Johari dipersilakan supaya melengkapkan maklumat dalam borang.
D Encik Johari mengarahkan kerani itu supaya melengkapkan maklumat dalam borang tersebut.

Soalan 10

Pilih peribahasa yang paling sesuai.

10. Pasangan pengantin yang mengenakan busana Melayu tradisional itu kelihatan sama cantik dan sama padan seperti peribahasa
- A bagai irama dengan lagu.
B bagai pinang dibelah dua.
C ibarat bulan dipagar bintang.
D seperti ombak dan pantai.